

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik
Mohamad [Pasir Puteh]**

TARIKH : 21 Mac 2017 (SELASA)

**SOALAN : (Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad)
minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

Pencapaian hasil tanaman padi dan pengurusan bekalan air ke Jelapang Padi di kawasan KADA Kelantan, bagaimanakah kedudukan pembinaan empangan rendah terkini di negeri Kelantan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pencapaian hasil padi di negeri Kelantan boleh dipertingkatkan lagi daripada purata hasil 4.67 tan/ha pada tahun 2016 kepada angka yang lebih tinggi melalui usaha yang dilaksanakan seperti penggunaan *Rice Check*. *Rice Check* merupakan panduan kepada petani dalam melaksanakan tanaman padi, pengamalan rekod ladang dalam pemantauan pelaksanaan kerja, pengurusan ladang secara berpusat sepertimana yang telah dilaksanakan di projek berskala besar iaitu Projek Ladang Merdeka dan juga Projek NKEA Padi.

Dalam pada itu juga, pihak KADA telah melaksanakan usaha ke arah mempertingkatkan kecekapan bekalan air ke sawah padi iaitu melalui pembinaan struktur seperti *Sheet Pile* merentasi Sungai Kelantan di Kuala Kemubu, pembinaan *Low Weir* (Empangan Rendah) merentasi Sungai Kelantan di Kampung Kasa Pasir Mas serta projek terkini ialah pembinaan Pam Skru di Kemubu Kelantan. Projek tersebut boleh meningkatkan keupayaan sedutan air oleh Pam utama.

Empangan Rendah yang dibina merentasi Sungai Kelantan di Kampung Kasa Pasir Mas telah bermula pada 9 September 2013 dan dijangka akan siap sepenuhnya pada Mei 2017. Empangan rendah ini berfungsi untuk menambahbaik pengurusan bekalan air ke kawasan pengendalian KADA iaitu di Jajahan Tumpat dan Pasir Mas.

Dengan adanya empangan ini, paras air di Rumah Pam Kasar dan Lemal dapat dikawal khususnya pada musim kemarau untuk membolehkan pam beroperasi.